



12 Ogos 2024



## JAKOA nafi dakwaan Annuar Musa

Kota Bharu: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menafikan dakwaan Tan Sri Annuar Musa mengenai masalah air di perkampungan Orang Asli di Gua Musang berpunca daripada kegagalan pihaknya menyelenggara Sistem Rawatan Air yang disediakan.

JAKOA dalam kenyataan berkata, dakwaan yang dibuat Annuar adalah tidak tepat.

Katanya, sebanyak 109 kampung Orang Asli di Gua Musang mempunyai sistem bekalan air iaitu menggunakan sistem air paip (tiga kampung), 16 kampung guna telaga tiub atau boring dan 90 kampung guna graviti (sungai).

"Sejumlah RM25 juta diperuntukkan bagi kerja bina baru dan pembaikan Sistem Rawatan Air, manakala RM5 juta pula dibelanjakan untuk kontrak penyelenggaraan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Isu pembekalan air ke perkampungan Orang Asli adalah berpunca dari sumber air yang terhad selain sumber air yang tercemar. Masalah ini berlaku bukan sdi perkampungan Orang Asli malah di seluruh Kelantan.

"Hal ini disebabkan kurangnya kawasan tadahan hujan yang dapat menyalurkan air ke kawasan sekitar akibat dari aktiviti pembalakan dan pembukaan ladang secara tidak terkawal serta kurangnya kawalan terhadap pencemaran air di sungai Kelantan," katanya.

Menurut kenyataan itu, JAKOA tetap berusaha menyediakan alternatif lain untuk mendapatkan sumber bekalan air buat masyarakat Orang Asli dengan membangunkan telaga tiub (sumber air bawah tanah) melalui kerjasama strategik bersama agensi berkaitan seperti Jabatan Mineral dan Galian (JMG) serta universiti tempatan.

Terdahulu, Annuar yang juga Pengarah Operasi Perikatan Nasional (PN) Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri menerusi ceramahnya menegaskan peruntukan untuk penyediaan bekalan air bersih di penempatan pedalaman Orang Asli disalurkan JAKOA.

Beliau menepis dakwaan kononnya isu masalah air yang membelenggu penduduk Orang Asli disebabkan kegagalan kerajaan negeri menyelesaikannya.

"JAKOA bertanggungjawab dengan bekalan (air) bukannya ia berada di bawah kerajaan negeri," katanya.